



Adab Pergaulan Dalam Rumah

Surah an nur 24:58-59

- Hai orang-orang yang beriman, hendaklah budak-budak (lelaki dan wanita) yang kamu miliki, dan orang-orang yang belum balig di antara kamu, meminta izin kepada kamu tiga kali (dalam satu hari) yaitu: sebelum sembahyang subuh, ketika kamu menanggalkan pakaian (luar)mu di tengah hari dan sesudah sembahyang Isya'. (Itulah) tiga aurat bagi kamu. Tidak ada dosa atasmu dan tidak (pula) atas mereka selain dari (tiga waktu) itu. Mereka melayani kamu, sebahagian kamu (ada keperluan) kepada sebahagian (yang lain). Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat bagi kamu. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Dan apabila anak-anakmu telah sampai umur balig, maka hendaklah mereka meminta izin, seperti orang-orang yang sebelum mereka meminta izin. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Huraian Ringkas



- **1) Menjelaskan adab pergaulan dalam rumah dikalangan anggota keluarga.**
- **2) Adab yang dijelaskan dlm ayat ialah peraturan meminta izin ketika hendak masuk ke bilik ibu bapa dan waktu tertentu yang tidak digalakkan memasuki bilik mereka.**
- **3) Peraturan ini bertujuan untuk memelihara kehormatan masing-masing.**



Sebab Nuzul

- **1) Menurut "Muqatil" , ayat ini diturunkan selepas peristiwa yang melibatkan Asma' binti Marsad. Dalam peristiwa tersebut, seorang hamba yang telah baligh masuk ke bilik ke bilik beliau pada waktu tidak disukainya. Beliau memberitahu Rasulullah tentang peristiwa tersebut, kemudian turunlah ayat ini.**




- **2) Menurut riwayat , kata Ibnu Abbas: bahawa Rasulullah telah mengutuskan seorang hamba drpd kaum Ansur yang bernama Mudlij bin Amru untuk menemui Saidini Umar bin Al-Khatab pada wktu zohor. Ketika hamba itu masuk, Saidina Umar sedang tidur dan pakaiannya terselak. Kata Saidina Umar "kalau boleh aku ingin supaya Allah melarang bapa, anak, dan pembantu kami masuk kebilik pd waktu2 begini kecuali selepas mendapat keizinan". Kemudian baginda dan pembantu baginda pergi menemui Rasulullah dan memberitahu hal tersebut dan mendapat tahu bahawa telah turun ayat ini. Saidina Umar terus bersujud syukur.**



Golongan Yang Wajib Meminta Izin

- **Ayat ini ditujukan kepada ibubapa atau penjagasupaya mendidik anggota keluarga dgn menjaga adab dan peraturan pergaulan dalam rumah turutamanya ketika memasuki bilik ibu bapa. Antara golongan tersebut ialah :**
- a) Kanak2 yang belum baligh.**
 - b) Hamba dan pembantu rumah.**
 - c) Anggota keluarga yang telah baligh.**





Waktu2 yang
dilarang
memasuki bilik
tanpa keizinan



1) **Sebelum Subuh**
- Pada waktu ini orang
bagun dari tidur
dan menyalin pakaian
tidur sebelum memakai
pakaian biasa.



2) **Waktu Tengahari**
- Pada waktu ini orang
menukar pakaian untuk
berehat.



3) **Waktu Malam Selepas
Solat Isya**
- Pada waktu ini orang
mulai bersiap untuk tidur.

Kaedah Istinbat Hukum

- Hukum meminta izin apabila memasuki bilik (ibu bapa) adalah **WAJIB**
- ~> Ini ditunjukkan oleh lafaz "liyasta'zinkum"
~> Lafaz ini ialah "fa'el Mudhari'" yang disertakan dengan "lam amar" yang bermaksud **PERINTAH WAJIB**

Adab memasuki bilik anggota keluarga

- **1) Meminta Izin Sebelum Masuk.**
=> Adalah tidak sopan jika memasuki bilik ibu bapa dan terserempak dgn mereka dlm keadaan yg tidak sedia akibat tidak meminta izin terlebih dahulu.

- **2) Memberi Salam Sebelum Masuk.**
=> Adab ini boleh menimbulkan kemesraan dan kasih syg diantara ahli keluarga.
- **3) Memilih Waktu Yang Sesuai.**
=> Anak2 dilarang mengganggu ibu bapa mereka dlm tiga wktu yg telah disebut td. Jika terpaksa berjumpa, mereka hendaklah meminta izin terlebih dahulu.
- Jika anak2 yg belum baligh perlu meminta izin pd wktu2 tertentu, maka org yg sudah baligh semestinya tidak dibenarkan sama sekali masuk ke bilik keluarganya yg lain, kecuali sudah mendapat keizinan terlebih dahulu.

Pendapat Ulama' Tentang Umur Baligh.

- Para Fuqaha' telah bersepakat bahawa apabila seseorang budak lelaki telah IHTILAM

(bermimpi hingga keluar air mani) , maka dia dikira sudah baligh. Begitu juga bagi kanak2 perempuan apabila telah bermimpi atau didatangi haid atau boleh mengandung maka mereka dikira sudah baligh. Menurut Fuqaha' , Ihtilam merupakan alamat baligh yg jelas.

- Mereka berbeza pendapat dlm masalah menentukan had umur MUKALLAF. Dlm masalah ini ia terbahagi kpd 2 pendapat.
- 1) Pendapat Imam Syafi'e, Imam Ahmad Bin Hanbal dan Muhammad Hassan As-Syaibani
~> Mereka berpendapat apabila kanak2 lelaki atau perempuan telah mencapai umur 15 tahun, maka mereka dikira sudah baligh. Bersandarkan hadis riwayat MUSLIM. (ms 112)
~> Mereka juga berpendapat pd adat kebiasaan yg berlaku , umur baligh bg kanak2 lelaki dan perempuan tidak melebihi umur 15 tahun.



- **2) Pendapat Mazhab Hanafi**

=> **Mereka berpendapat seseorang budak lelaki tidak dikira baligh sehingga umurnya mencapai 18 tahun. Berdasarkan kpd firman ALLAH dlm (Surah Al-An'am, 6 : 152) -ms 113-**

=> **Lafaz**

"Assyuddah"

. Menurut Ibnu Abbas umur baligh kanak2 lelaki ialah 18 tahun dan bagi perempuan ialah 17 tahun

Hikmah Larangan Memasuki Bilik Anggota Keluarga Tanpa Izin.

- Dijelaskan dlm Surah An-Nur, ayat 58-59 mengandung hikmah2 tertentu.
 - 1) Semua ahli keluarga termasuk kanak2 hendaklah di didikdgn peraturan ini supaya mereka dpt menyesuaikan diri dgn peraturan tersebut apabila telah baligh. Diwajibkan juga kpd mereka yg mempunyai pembantu rumah atau org lain yg tinggal dlm satu rumah dgn mereka.
 - 2) Pengabaian dan kecuaiian mematuhi peraturan yg ditetapkan yg boleh menyebabkan perkara2 yg negatif berlakuseperti yg disiarkan di media massahari ini. Antaranya gangguan seksosial dan zina diantara pembantu rumah dgn majikan, sumbang mahram antara adik beradik, bapa dgn ank, datuk dgn cucunya sehingga hamil dan sebagainya lg yg bertentangan dgn fitrah kekeluargaan ISLAM. Disamping itu juga, hiburan dan budaya yg tidak sihat seperti pendedahan aurat, berpelukan, dan berciuman antara lelaki dgn perempuan berlaku di dlm rumah melalui media television dn internet, menyebabkan rangsangan nafsu antara keluarga sehingga tidak dpt membezakan antara ank dn isteri, cucu dn adik beradik. Jadi, cara terbaik untuk mengatasi gejala ini ialah dgn kembali kpd ajaran ISLAM dan menghayati nilai2 kekeluargaan seperti yg digariskan oleh ISLAM. Cara ini boleh mewujudkan keluarga yg harmoni dan bahagia atau apa yg disebut "BAITI JANNATI" yg bermaksud
"RUMAHKU SYURGAKU"

Hikmah Suruhan Meminta Izin Ibu Bapa



- **Menghormati hak ibu bapa dan ahli keluarga**
- **Memelihara keharmonian hubungan kekeluargaan**
- **Membentuk disiplin diri**
- **Menjaga akhlak dan adab**
- **Memelihara maruah dan rahsia ibu bapa**
- **Menjaga taraf dan kedudukan ibu bapa di sisi keluarga**